

Headline	J kuasa khas farmaseutikal halal perlu ditubuh bagi kembangkan industri		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	26 Apr 2012	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	6	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	68 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 132
Frequency	Daily	PR Value	RM 396



## J-kuasa khas farmaseutikal halal perlu ditubuh bagi kembangkan industri

KUALA LUMPUR: Satu jawatankuasa khas bagi memandu arah dan pelaksanaan farmaseutikal halal perlu ditubuhkan dalam masa terdekat bagi memastikan ubat-ubatan yang digunakan umat Islam di Malaysia terjamin halal, kata seorang profesor di sini kelmarin.

Dekan Pusat Pengajian Sains Farmasi, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Syed Azhar Syed Sulaiman berkata penubuhan jawatankuasa itu penting dalam memastikan industri farmaseutikal di negara ini terbuka dan sentiasa komited menyahut keperluan pengguna yang peka dengan isu halal.

"Jawatankuasa ini jika diwujudkan, perlulah bertindak bersama-sama badan pemantau yang lain seperti Jabatan Kebajikan Islam Malaysia (Jakim) agar apa yang direncana mampu diolah menjadi realiti, tidak sekadar perancangan di atas kertas semata-mata.

"Kita patut malu disebabkan industri farmaseutikal halal di negara ini masih di takuk yang sama berbanding negara yang agama rasminya bukan Islam seperti Thailand dan Belgium," katanya.

Beliau berkata demikian semasa membentangkan kertas kerjanya 'Ubatan Halal dalam Industri Farmaseutikal: Langkah-Langkah ke Arah Penghasilan dan Pemerkasaan' di seminar 'Kemelumut Pemakanan Halal: Ke Arah Penyelesaian' di sini, kelmarin.

Prof Dr Syed Azhar berkata umat Islam di negara ini wajar memainkan peranan dalam menuntut pemain industri farmaseutikal dalam melaksanakan dan membesarkan lagi kapasiti industri ubat-ubatan halal.

"Umat Islam perlu berhenti menggunakan alasan 'penggunaan secara darurat' dalam mengambil sebarang ubat kerana kini kita sudah ada ubat yang halal seratus peratus unsurnya.

"Jika dahulu sebelum farmaseutikal halal ada, orang ramai menggunakan alasan 'guna sebab darurat' ubatan yang tidak diyakini kandungannya tetapi kini tidak boleh lagi," katanya. - Bernama